



# Pintu pagar elektrik benteng ladang haram Musang King

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Februari 22, 2022 @ 9:23am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

KUANTAN: Pasukan lebih 100 penguat kuasa yang melaksanakan operasi bersepadu, semalam, terpaksa memecahkan pintu pagar elektrik untuk masuk ke ladang durian Musang King yang ditanam secara haram di atas tanah kawasan hutan milik kerajaan di Sungai Lembing, di sini.

Dalam operasi selama empat jam bermula jam 10 pagi di Kampung Kolong Pahat dan Kampung Seberang, Sungai Lembing itu, lebih 200 pokok durian Musang King berusia antara empat hingga lima tahun dimusnahkan.

Pegawai Hutan Daerah Kuantan, Pekan dan Maran, Norshazlee Roslee, berkata seramai 110 anggota penguat kuasa dari Jabatan Perhutanan Pahang (JPNP), Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang serta Unit Penguat Kuasa Pahang (UPNP) menyertai operasi terbabit yang berjalan lancar.

Katanya, penguat kuasa terpaksa bertindak tegas memusnahkan lebih 200 pokok durian Musang King yang ditanam secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab di atas tanah dalam kawasan hutan milik kerajaan.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati kawasan berbukit seluas lebih lapan hektar telah dicerobohi, namun aktiviti pertanian secara berterles hanya dilakukan dalam kawasan kira-kira satu hektar membabitkan tanaman durian Musang King, pisang dan beberapa jenis tanaman lain.

"Dalam kawasan itu, terdapat lebih 2,500 pokok durian Musang King berusia satu hingga dua tahun yang akan dimusnahkan secara berperingkat, tidak lama lagi.

"Kita juga akan memusnahkan rumah kongsi dan rumah kuasa solar yang terdapat dalam kawasan hutan milik kerajaan itu," katanya ketika ditemui pada operasi itu, di sini, semalam.

Yang turut hadir memantau hari pertama operasi itu ialah Pegawai Daerah Kuantan, Tengku Datuk Nor Asmaliza Ku Lah.

Norshazlee berkata, operasi yang akan dijalankan selama seminggu itu turut mengesakan aktiviti penanaman kira-kira 3,000 pokok balak berkualiti tinggi.

Beliau memaklumkan, operasi bersepadu itu adalah yang pertama dijalankan, tahun ini, dengan membabitkan pelbagai agensi kerajaan.

"Selain itu, penyertaan penduduk setempat dalam operasi berkenaan membuktikan kegiatan mencerooboh tanah milik kerajaan turut tidak disenangi mereka.

"Kegiatan seumpama itu boleh mengundang kejadian tidak diingini seperti hakisan tanah dan banjir lumpur yang berisiko mengancam nyawa penduduk di kawasan berhampiran.

"Kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang mencerooboh tanah milik kerajaan, termasuk hutan simpan di daerah ini," katanya sambil berharap semua pihak dapat bekerjasama memberikan maklumat berhubung kegiatan pencerobohan hutan.



Anggota penguat kuasa menjalankan operasi bersepadu di Sungai Lembing, semalam. - NSTP/MOHD RAFI MAMAT